

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

HEBAHAN PEMANGGILAN SEMULA KENDERAAN LIBATKAN TIGA
(3) JENIS BUATAN KENDERAAN

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2025 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin memaklumkan terdapat aktiviti pemanggilan semula yang melibatkan **8,322 kenderaan** daripada tiga (3) jenis buatan kenderaan. Aktiviti pemanggilan semula ini adalah penting bagi mengelakkan kemalangan berlaku disebabkan oleh kecacatan pada struktur, peralatan atau sistem pada kenderaan tersebut.

Model kenderaan yang terlibat dalam aktiviti pemanggilan semula adalah seperti berikut :

BIL	BUATAN	JENIS MODEL	KUANTITI KENDERAAN
1.	KIA	RIO UB	5,123
2.	YAMAHA	Tenere 700 Tracer 9 GT MT09	3,167
3.	MERCEDES-BENZ	S-Class GLC AMG SL EQS EQE	32
JUMLAH KESELURUHAN			8,322

Setiap pemilik kenderaan yang terlibat akan dihubungi oleh pihak pengeluar kenderaan masing-masing bagi proses penyelarasan slot pemeriksaan kenderaan masing-masing. Oleh yang demikian, semua pemilik kenderaan model yang terlibat adalah dimohon untuk membuat perancangan bagi membolehkan proses pemanggilan semula dan pemeriksaan kenderaan dapat dijalankan secepat mungkin.

Untuk makluman, mana-mana komponen yang terlibat dengan isu tersebut akan digantikan dengan kos yang ditanggung oleh pihak pengeluar kenderaan masing-masing.

Maklumat lanjut berkenaan proses pemanggilan semula ini, pemilik kenderaan boleh hubungi atau kunjungi mana-mana pusat jualan/perkhidmatan masing-masing yang berdekatan.

Pihak JPJ akan memantau pelaksanaan proses pemanggilan semula ini dan komited untuk memastikan kesemua unit kenderaan yang terlibat akan menjalani pemeriksaan dan disahkan selamat.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
8 JULAI 2025**

[TAMAT]

PERINCIAN AKTIVITI PEMANGGILAN SEMULA KENDERAAN

KIA

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	KIA Rio UB	2010 - 2017	5,123	Kenderaan yang terlibat berkemungkinan mengalami litar pintas elektrik dan boleh menyebabkan kebakaran pada 'circuit board Hydraulic Electronic Control Unit (HECU)

Dinamikjaya Motors Sdn. Bhd.(KIA)

Hubungi : 03-7627 3222

Emel : customersupport@kiamalaysia.com.my

Layari : <https://kiamalaysia.com.my/kia/recall.html>

YAMAHA

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	MT09	November 2021 Hingga Februari 2025	1,649	<i>Throttle Position Sensor (TPS)</i> tidak berfungsi dengan baik.
2.	Tracer 9 GT		1,369	
3.	Tenere 700	2023 - 2024	149	Operasi klac tidak lancar dan sukar untuk menukar gear

Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd.

Hubungi : 03-61486310

Emel : servicedept@yamaha-motor.com.my

Layari : <https://www.yamaha-motor.com.my/?lang=ms>

MERCEDES

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	MERCEDES S 580 e	2023 - 2025	9	<i>The prefuse box might not have been reworked correctly</i>
2.	MERCEDES GLC 300 4MATIC	2023 - 2025	2	
3.	MERCEDES EQS 500	2023 - 2025	4	
4.	MERCEDES AMG SL 43	2023 - 2025	1	
5.	MERCEDES S 580 e	2023 - 2025	1	<i>The prefuse box might not have been reworked correctly, if necessary, replace it</i>
6.	MERCEDES-AMG EQE 53	2023 - 2025	9	
7.	MERCEDES-AMG EQS 53	2023 - 2025	6	

Mercedes-Benz Malaysia Sdn. Bhd.

Hubungi : 1-800-88-1133

Emel : cs.mys@cac.mercedes-benz.com

Layari : <https://www.mercedes-benz.com.my/>